

18 NOV 1998

APEC-BERITA-PROGRAM/I

KEMUNCAK APEC SAHKAN PROGRAM TINDAKAN KL MENGENAI PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin ekonomi Apec telah mengesahkan Program Tindakan Kuala Lumpur Mengenai Pembangunan Kemahiran bagi menyumbang ke arah pertumbuhan yang mapan dan pembangunan sama rata untuk meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat mereka melalui peningkatan kemahiran.

Program ini dirangka bagi memaksimumkan potensi pertumbuhan dan meningkatkan kesejahteraan penduduk di rantau ini.

Ketika mengumumkan pengesahan ini sambil membacakan deklarasi sidang kemuncak pemimpin Apec hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata program tindakan itu merupakan perintis jalan yang penting kepada perkongsian kerjasama awam-perniagaan dalam pembangunan kemahiran.

"Program ini mengiktiraf nilai sumbangan sektor perniagaan dan menekankan peluasan jangkauan Apec kepada masyarakat perniagaan secara berterusan," katanya.

Program tindakan ini, yang dilampirkan bersama deklarasi tersebut menumpukan usaha dalam empat bidang khusus iaitu, menaikkan taraf asas kemahiran perindustrian; mewujudkan usahawan-usahawan baru; kemahiran teknologi bagi alaf baru; dan mengukuhkan prasarana institusi untuk memudahkan pelonggaran perdagangan dan pelaburan.

Ia menyarankan tiga kaedah utama untuk melaksanakannya, termasuk penajaan sukarela atau penajaan bersama daripada ekonomi-ekonomi Apec bagi meningkatkan pelaksanaan projek-projek secara berterusan dan menggunakan pendekatan Perkongsian bagi Kemajuan.

Ekonomi-ekonomi boleh mendapatkan penyertaan sektor perniagaan di mana boleh bagi melaksanakan projek-projek sedemikian.

"Sebagai penerima faedah utama kegiatan Pelonggaran dan Pemudahan Perdagangan dan Pelaburan, sektor swasta harus digalakkan untuk menyumbang kepada langkah-langkah membina keupayaan Apec bagi jangka lebih panjang seperti pembangunan kemahiran," katanya.

"Perkongsian pintar" awam-perniagaan dalam pembangunan kemahiran juga dicadangkan sebagai pendekatan berkesan untuk mengatasi pendekatan dorongan pasaran dalam latihan kemahiran yang menekankan lebih banyak penyertaan perniagaan bagi memastikan pengeluaran latihan sepadan dengan permintaan pasaran.

Program tindakan ini juga mencadangkan satu rangkaian pusat-pusat pembangunan kemahiran Apec bagi membolehkan kerjasama yang menghasilkan faedah-faedah dalam bidang seperti pembangunan program, pertukaran modul latihan atau pengajar dan pemerolehan sumber pengajar atau kelengkapan.

"Ini juga akan melengkapkan lain-lain inisiatif Apec mengenai pembangunan sumber manusia seperti pengiktirafan bersama kelayakan latihan kemahiran," tegasnya.

Sementara itu, deklarasi juga mengarahkan menteri-menteri Apec mempertingkatkan penglibatan perniagaan dalam kegiatan-kegiatan Apec yang berkaitan memandangkan pentingnya sektor swasta dalam kerja-kerja Apec.

Ia juga mengesahkan penyertaan sektor swasta yang lebih luas dalam kegiatan Apec.

"Kami mengalu-alukan usaha untuk meningkatkan mobiliti perniagaan melalui skim Kad Pengembara Perniagaan Apec dan komitmen bersama untuk memperluaskan kemudahan mendapatkan visa atau permit masuk pelbagai bagi pengembara perniagaan.

"Kami juga menyambut baik cadangan-cadangan Abac (Majlis Penasihat

Perniagaan Apec) dan mengarahkan menteri-menteri kami mengkaji cadangan-cadangan Abac itu, termasuk Sistem Makanan Apec," katanya.

-- BERNAMA

AFY KY MA